

Proton e.MAS Menyokong Inisiatif EV Kerajaan Melalui Penyerahan e.MAS 5, e.MAS 7 kepada Kementerian Pengangkutan

PUTRAJAYA, 12 Mac 2026 - PRO-NET, anak syarikat milik penuh PROTON, telah menyerahkan tiga kenderaan elektrik – Proton e.MAS 7, Proton e.MAS 7 PHEV, Proton e.MAS 5 dan smart #1 kepada Kementerian Pengangkutan (MOT) sebagai sebahagian daripada inisiatif yang diterajui kerajaan untuk menilai penggunaan kenderaan elektrik bagi kegunaan rasmi.

Penyerahan tersebut berlangsung semasa “Majlis Penyerahan Kenderaan EV kepada Kementerian Pengangkutan” yang diadakan di ibu pejabat Kementerian Pengangkutan di Putrajaya.

Inisiatif ini merupakan susulan daripada majlis pelancaran rasmi yang diadakan pada 26 Ogos 2025, di mana beberapa jenama automotif memberikan sokongan terhadap program Kementerian Pengangkutan untuk memperkenalkan kenderaan elektrik bagi tujuan penilaian penggunaan dalam operasi harian kementerian. Melalui program ini, pihak berkepentingan kerajaan berpeluang merasai sendiri teknologi EV sambil menilai tahap praktikaliti, prestasi serta kesesuaiannya untuk kegunaan harian.

Dato’ Ir Abdul Rashid Musa, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON berkata inisiatif ini mencerminkan komitmen syarikat dalam menyokong usaha kerajaan untuk mempercepatkan peralihan Malaysia ke arah mobiliti yang lebih lestari. “Kami berbesar hati dapat menyokong Kementerian Pengangkutan dalam inisiatif ini dengan menyediakan Proton e.MAS 5, e.MAS 7, e.MAS 7 PHEV dan smart #1 untuk tujuan penilaian. Inisiatif seperti ini memberi peluang kepada pihak berkepentingan untuk merasai sendiri teknologi EV, yang memainkan peranan penting dalam membentuk dasar, pembangunan infrastruktur serta mempercepatkan penerimaan mobiliti elektrik di Malaysia.”

“Sebagai jenama EV nombor 1 di Malaysia, kami bangga dapat menyumbang kepada inisiatif ini melalui Proton e.MAS 5, Proton e.MAS 7 dan Proton e.MAS 7 PHEV, sekali gus menyokong perkembangan ekosistem EV negara,” tambah beliau.

Penyerahan kenderaan ini turut menunjukkan komitmen PROTON untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan dan rakan industri bagi menyokong peralihan Malaysia ke arah mobiliti rendah karbon pada masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial) dan Instagram (@protonemasofficial).

#PROTONeMAS5 #MostAffordableEV #FreedomThatElectrifies #OwnYourSpace

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional Malaysia dan jenama tenaga baharu, yang merupakan sub-jenama di bawah PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Dalam memainkan peranan penting dalam mempercepatkan penerimaan EV serta membangunkan ekosistem jenama ini, Proton e.MAS komited untuk menerajui peralihan ke arah mobiliti yang lebih lestari dengan penekanan berterusan terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar kami yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif serta ekosistem yang menyeluruh memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman pemilikan yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selari dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASIKAN HUBUNGAN dengan menyampaikan teknologi inovatif, kebolehpercayaan dan standard bertaraf antarabangsa secara konsisten. Proton e.MAS telah diperkenalkan secara rasmi pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET
Salawati Mohd Yusoff
Chief Branding Officer
Telephone: +6012-219 4581
Email: salawati@proton.com

Christopher Ng
Manager, PR & Communications
Telephone: +6012-818 7597
Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran
H/Advisors Klareco
Telephone: +6014 345 2006
Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global